

RIMBA API
Rufous-fronted Babbler

FAMILI: Timaliidae
NAMA SAINTIFIK: *Stachyris rufifrons*

CIRI-CIRI

Mempunyai bahagian atas kepala dan bahagian atas badan berwarna lebih gelap dan pucat, dan bahagian bawah dada hingga bawah tongkeng berwarna oren kekuningan pucat. Bagi burung juvenil, bahagian atas kepala adalah lebih pudar berbanding burung dewasa dengan bahagian atas badan juga lebih pudar dan lusuh.

SAIZ

Panjang keseluruhan spesies ini adalah di antara 11.5-12.5 sm.

MAKANAN

Ia memakan buah-buahan kecil, serangga, dan juga ulat.

HABITAT

Spesies ini mendiami kawasan pinggir hutan, hutan sekunder, kawasan semak dan berumpun, hingga ke ketinggian 2,100 m dari aras laut.

BUNYI

Kicauan biasanya terdiri daripada 5 hingga 7 nota bernada tinggi dan senada *tuh tuh-tuh-tuh-tuh-tuh*, kebiasaannya berhenti seketika selepas nota pertama (kadang-kala masa berhenti adalah teratur), pada umumnya dibunyikan agak cepat namun kelajuan adalah berbeza-beza. Frasa kicauan biasanya berlangsung antara 1.25 hingga 1.75 s dan diulang pada sela masa yang berbeza-beza. Kadang-kala juga, bunyi yang dihasilkan mempunyai variasi yang teratur *tuh-tuh-tuh-tuh-tuh*, digabungkan dengan getaran bernada rendah *churr-churr-churr-churr...* atau *chrerr-chrerr-chrerr*, dan lain-lain lagi. Selain itu, ia turut mengeluarkan bunyi *wirri* sekiranya merasa terancam dan bunyi *wu-yu-yu-yu-yu-yi* yang sangat pantas. Ia juga mengeluarkan bunyi sesama mereka *wit* atau *wi*.

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah di antara bulan Mac-April setiap tahun dengan burung betina mampu menghasilkan 3-5 biji telur bagi setiap eraman di dalam sarang yang terletak rumpun buluh atau palma di ketinggian 2 m dari aras tanah.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.